

berita **pkink**

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Bil. 1/2007 Jan - Mac 2007 Muharram - Rabiul Awal 1428

www.pkink.gov.my

Edaran Percuma

Kerajaan Negeri Lantik **KELKON** Laksana Projek Jalan Raya Bertingkat Di Pasir Mas

Pasir Mas, 22 Mac 2007 – Projek jalan raya bertingkat melintasi laluan rel kereta api di Jalan Masjid Lama, Pasir Mas menjadi kenyataan apabila upacara pecah tanah telah dilakukan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 3 Rabiul Awal 1428 bersamaan 22 Mac 2007 lepas.

Projek yang bernilai RM15.556 juta ini dimulakan pada 15 Mac 2007 lalu dijangka siap sepenuhnya pada 14 Mac 2009. Projek pembinaan jalan raya bertingkat ini dijangka dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di bandar Pasir Mas.

Kelkon Sdn Bhd anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah diberi kepercayaan oleh pihak Kerajaan Negeri apabila dilantik sebagai kontraktor utama bagi menyiapkan laluan jalan raya bertingkat tersebut.

Pengerusi Kelkon, Hj Hanifa Ahmad semasa berucap di majlis pecah tanah tersebut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang telah melantik


Kelkon untuk melaksanakan projek jalan raya bertingkat tersebut. Beliau juga turut melahirkan keyakinan bahawa projek ini dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada Mac 2009 berdasarkan rekod Kelkon yang berjaya melaksanakan beberapa projek besar sebelum ini seperti Kompleks Kota Darul Naim (RM40 juta), Jambatan Salor (RM18 juta), Bangunan Bank Islam Jalan Kebun Sultan (RM11 juta), Hospital Pakar Perdana (RM20 juta) dan Kelantan Trade Centre (RM45 juta).

Perlaksanaan projek ini merupakan usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam memenuhi aspirasi rakyat sebagai menunaikan tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pembangunan yang berpaksikan konsep Membangun Bersama Islam. Ia juga merupakan komitmen berterusan pihak Kerajaan Negeri bagi

meneruskan projek-projek pembangunan yang dirancang demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya dan rakyat Pasir Mas khususnya.

Perlaksanaan projek ini melambangkan sikap bertanggungjawab dan amanah Kerajaan Negeri Kelantan dalam menunaikan janji kepada rakyat Pasir Mas sebagaimana yang telah dihasratkan sebelum ini.

YAB Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pula berkata, projek yang dilaksanakan adalah untuk kepentingan rakyat dan menafikan tohmahan sesetengah pihak yang menuduh Kelantan tiada wang untuk melaksanakan projek pembangunan.



ISSN 0127-3256



Sidang Editor

PENAUNG

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya
Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Wan Adnan Wan
Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh
Pn. Zakiah Mohamed
Pn. Hawa M. Salleh
En. Mohd Ramli Hamzah

JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook


Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan
Iktisad Negeri Kelantan
Tingkat 8 -11,
Bangunan PKINK,
Jalan Tengku Maharani,
Peti Surat 142,
15710 Kota Bharu,
Kelantan.

www.pkink.gov.my
tel: 09-7414141 fax: 09-7414140

Rekabentuk & Dicetak oleh:
PERCETAKAN ZULRAHIM SDN. BHD.
Lot 1811, Bangunan KPKB,
Paya Rambai, Jalan Bayam,
15200 Kota Bharu,
Kelantan.
Tel: 019-9976513 , 013-9438881



Dari Meja Ketua Editor

Assalamu'alaikum warahmatullah. Selamat bertemu kembali dari meja editor Berita PKINK Bilangan Pertama 2007. Selamat menyambut tahun baru 2007 dengan penuh keazaman dan tekad baru bagi memacu kecemerlangan yang berterusan bagi kumpulan PKINK.

Dalam menghadapi era tahun 2007, marilah sama-sama kita menilai diri dan membuat semakan ke atas segala gerak kerja dan tindakan sepanjang setahun yang lalu. Ia penting dalam memastikan kesilapan dan kekurangan sepanjang tahun lalu dapat diperbaiki dan diatasi bagi memastikan segala usaha kita menjadi lebih baik dan berkesan.

Dalam usaha membina pasukan kerja yang mantap dan berkualiti, tahun 2007 mestilah menjadi tahun yang cemerlang dalam semua aspek dan gerak kerja. Setiap anggota kumpulan PKINK mestilah mempunyai sikap positif dan iltizam yang tinggi bagi memacu kejayaan yang lebih baik. Dalam hal ini, semua anggota kumpulan PKINK mestilah mengambil perhatian kepada beberapa perkara yang boleh dilaksanakan dan diamalkan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi. Antaranya ialah:

1. Sentiasa memahami objektif kerja anda – fahami dan yakini objektif kerja yang ingin dilaksanakan dan jangan cepat mengalah kepada desakan keliling. Binakan cita-cita tinggi untuk mencapai objektif.
2. Bina atas kekuatan dan baiki kekurangan – ketahui kekuatan dan kekurangan diri, membina kecemerlangan berdasarkan kekuatan anda sambil terus memperbaiki kekurangan.
3. Bekerja dalam satu pasukan yang teratur kerana pasukan membuka peluang perkongsian di mana perkongsian mengumpulkan tenaga, pengalaman, ilmu, idea, kasih sayang dan pelbagai sumber.
4. Mengetahui kesilapan diri dan berasa insaf iaitu pentingnya memiliki sikap dan kemahuan yang tinggi untuk mengatasi kelemahan serta mengambil pengajaran daripada kesilapan.
5. Jangan patah hati dengan kritikan iaitu belajar menerima teguran yang membina dan tidak menghiraukan kritikan yang remeh.
6. Tingkatkan iman – iman merupakan keperluan yang konstan sepanjang hidup.
7. Tetap Merendah diri – iaitu tahu membezakan di antara sikap merendah diri yang sebenar dengan sikap merendah diri yang tidak kena pada tempatnya.

Sejajar itu juga, semua anggota PKINK mestilah mengambil peluang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri melalui program-program kursus dan latihan yang disusun oleh pihak Pengurusan. Proses 'continuous learning' sebagaimana seruan pihak pengurusan juga mesti menjadi agenda utama dalam diri setiap anggota kumpulan PKINK.

Semoga dengan seruan itu dan 7 perkara di atas menjadi panduan utama bagi kita dalam memastikan kumpulan PKINK lahir sebagai sebuah organisasi unggul dan terbaik di Kelantan.

Perutusan KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK 2007



Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadirat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinnya kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam majlis salam perutusan tahun 2007/1428 hijrah. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan dan peluang di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada saudara/saudari semua yang dapat meluangkan masa untuk hadir ke majlis ini pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada saudara / saudari kerana telah memberi kerjasama kepada saya untuk menerajui Perbadanan sepanjang tahun 2006. "Terima kasih daun keladi, kalau boleh mahu lagi". Adalah menjadi harapan saya agar kerjasama yang telah diberi di masa lepas diteruskan lagi di masa hadapan.

Kita baru sahaja melangkah masuk ke tahun 2007 dan insyallah pada hari Sabtu ini kita akan memasuki tahun baru hijrah 1428; tentunya kita mempunyai seribu satu harapan untuk dicapai di dalam tahun baru ini. Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2007 dan 1428 .Dengan doa agar di tahun baru ini kita semua dilindungi Allah s.w.t dari gangguan syaitan dan memohon agar kita tidak ditipu oleh nafsu yang banyak mendorong kepada kejahatan. Kita juga memohon agar kita semua mudah melakukan pekerjaan yang boleh mendekatkan diri dengan Allah s.w.t. Akhirnya marilah kita semua berdoa agar Allah s.w.t mengubah diri kita semua kepada keadaan yang sebaik-baiknya.

Izinkan saya memberi ingatan kepada diri saya dan seluruh anggota PKINK / Anak Syarikat bahawa kita semua mempunyai tanggungjawab yang besar untuk meletakkan bangsa kita di tahap yang membanggakan. Kerap kali kita melihat bahawa peranan kita tidak penting walhal hakikat sebenarnya kita semua mempunyai satu tugas yang besar di dalam usaha penjana ekonomi ummah. Malah itulah "tag line" Perbadanan sejak dulu hingga sekarang. Usaha ini telah pun di mula oleh penjawat yang terdahulu dengan jayanya. Kini giliran kita untuk membuktikan kemampuan kita. Masing-masing sedar ataupun tidak sebenarnya kita semua berada di dalam sebuah organisasi perniagaan. Justeru itu semua adalah ahli bisnes, oleh itu selaku ahli bisnes yang berjaya kita tidak boleh memilih untuk berbuat apa yang disukai dan digemari oleh kita semata-mata. Seluruh

tujuan hidup kita perlu disesuaikan dan diperbaharui selari dengan perniagaan yang kita sedang lakukan, dengan demikian saya ingin mengingatkan supaya kita sentiasa melawan fitrah nafsu kerana fitrah nafsu, ramai manusia lebih gemar berehat, bersantai, berseronok dan bersosial daripada bekerja. Tegasnya demi menentukan kejayaan dalam bisnes yang kita jalankan memerlukan tahap disiplin diri yang sangat tinggi. Disiplin bisnes yang tinggi; pertamanya menuntut supaya kita rela dan sanggup membuat banyak kerja dan

Jika kita semua sanggup meletak objektif peribadi ke tepi dan memberi tumpuan kepada objektif organisasi, pastinya kita akan berjaya.

aktiviti yang kita tidak suka dan tidak juga di gemari oleh ramai yang rapat dengan kita.

Tugas dan tanggungjawab yang kita lakukan seharian kini bukan satu mainan dan bukan juga kerjaya sampingan atau sambilan. Untuk berjaya ianya memerlukan tumpuan 24 jam sehari/365 hari setahun. Tentunya kejayaan tidak akan dicapai selagi kita tidak sanggup membawa sikap dan fahaman bahawa bisnes mesti dijadikan darah daging kita semua. ianya merupakan isu survival untuk diri, keluarga, masyarakat dan bangsa. Disini dapat kita lihat bahawa bisnes mempunyai hubung kait yang rapat dengan sikap, minda, hati dan jiwa. Tanpa sikap yang positif, minda yang tajam dan hati serta jiwa yang memahami dan dapat menjiwai pengertian sebenar bisnes dalam kehidupan, tidak akan terbit rangsangan dan dorongan, tidak akan ada motivasi untuk berjuang.

Saya menyeru agar kita semua mencurahkan seluruh jiwa raga kepada bisnes yang kita lakukan demi untuk mencapai kejayaan. Kita hayati bisnes dan integrasikan kedalam kehidupan dan budaya kita seharian.

Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t kerana prestasi bisnes dalam kumpulan bagi tahun 2006 memberangsangkan. Sektor-sektor utama seperti perladangan, hartanah dan perkhidmatan menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Kejayaan ini seharusnya memberi rangsangan kepada semua kita terus berkerja kuat kerana sebagai ahli bisnes kita tidak seharusnya mempunyai sikap untuk berehat setelah berjaya.

Saya penuh yakin bahawa setiap dari kita mempunyai cita-cita untuk melihat PKINK dan Anak-anak Syarikat menjadi peneraju di dalam pelbagai bidang yang diceburi; saya secara peribadi ingin melihat kita membangun projek-projek yang mempunyai impak yang meluas dan lebih kepada ekonomi negeri di masa hadapan; misalnya merancang kawasan perumahan yang mempunyai bilangan unit sebanyak 4000 unit satu kawasan kompleks perkayuan yang serba moden, outlet pajak gadai islam di seluruh pelusuk negeri dan negara, ladang sawit yang mampu menggerakkan pertumbuhan industri hiliran yang menguntungkan, organisasi rujukan umum bagi pembangunan usahawan, penglibatan dalam kerja-kerja pembinaan struktur-struktur besar seperti jalan bertingkat dan lain-lain model kegemilangan.

Cita-cita ini pasti milik kita jika kita semua sanggup berkorban. Antara perkara penting yang harus disegerakan ialah kita semua membina semangat baru, iaitu menjadikan usaha kita sebagai satu jihad dan bukan semata-mata untuk menjadi pekerja organisasi. Jika kita semua sanggup meletak objektif peribadi ke tepi dan memberi tumpuan kepada objektif organisasi, pastinya kita akan berjaya. Saya yakin ramai diantara kita telah pun mempunyai nilai yang diperlukan untuk menjayakan misi ini. Teruskan dan insyaallah dengan izin Allah jua kita akan berjaya.

Akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua di atas kejayaan yang dicapai setakat ini dan mendoakan semoga tahun 2007/1428 menjanjikan kejayaan yang lebih besar untuk kita semua.



KURSUS
GURU PEMBIMBING
DAN
SEKRETARIAT
PROGRAM PERINTIS
USAHAWAN (PPU)
SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH 2007

Pelaksanaan Program Perintis Usahawan (PPU) merupakan satu usaha Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dalam konteks untuk membudayakan keusahawanan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Bagi menentukan program ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya, kursus 'Training Of Trainers' bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman yang mendalam kepada Guru-Guru Besar, Guru-Guru Pembimbing dan Pegawai-Pegawai Pelaksana mengenai konsep dan modul Program Perintis Usahawan (PPU) telah pun diadakan pada 8-11 Februari 2007 bertempat di Sunway Lagoon & Resort Hotel yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam.

Setiap negeri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri selaku Sekretariat telah memilih dan menghantar 6 buah sekolah dengan penyertaan Guru Besar dan dua orang Guru Pembimbing sebagai peserta. Negeri Kelantan melalui Bahagian Pembangunan Usahawan selaku Sekretariat telah menghantar sekolah-sekolah berikut untuk mengikuti program yang julung-julung kali diadakan ini.

- i) Sek. Keb. Padang Garong, Kota Bharu
- ii) Sek. Keb. Sultan Ibrahim (3), Pasir Mas
- iii) Sek. Keb. Berangan (2), Berangan, Tumpat
- iv) Sek. Keb. Kamil (1), Pasir Puteh.
- v) Sek. Keb. Perupok, Bachok
- vi) Sek. Keb. Machang (1), Machang

Apa yang paling menarik dan benar-benar meninggalkan kesan sepanjang kursus ini berlangsung ialah setiap konsep dan modul bagi melaksanakan program tersebut telah dikupas secara mendalam dan terperinci merangkumi aspek-aspek teori dan amali. Lebih istimewa lagi, setiap peserta yang terlibat telah dipisahkan dari kumpulan asal mengikut negeri yang diwakili tetapi dibentuk semula dengan percampuran dan penglibatan peserta-peserta dari keseluruhan negeri yang terlibat. Selain daripada pendedahan secara langsung dan formal, peserta-peserta telah berpeluang berinteraksi dan berkongsi maklumat serta pengalaman menerusi bengkel dan latihan kerja berkumpulan yang akhirnya peserta-peserta yang terlibat melahirkan rasa puas hati dan berharap agar program seperti ini dapat diadakan lagi dimasa-masa akan datang.

SEMINAR
GURU PEMBIMBING & ALP BERWIBAWA
PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM)
SEKOLAH-SEKOLAH
TAHUN 2005, 2006 & 2007

Program Usahawan Muda (PUM) merupakan satu program pembudayaan keusahawanan yang dikendalikan khusus untuk para pelajar sekolah-sekolah menengah yang terpilih. Sebagai usaha untuk memantapkan lagi kefahaman para peserta yang terlibat, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK (BPU) selaku Sekretariat program bagi negeri Kelantan telah menganjurkan Seminar Guru Pembimbing & ALP Berwibawa Program Usahawan Muda bagi sekolah-sekolah tahun 2005, 2006 & 2007 bertempat di Star Regency Hotel & Apartment, Cameron Highlands. Memandangkan bilangan peserta

yang terlibat pada kali ini agak ramai malah lebih dari kebiasaannya, program ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan.

Kumpulan I yang melibatkan seramai 150 peserta telah diadakan pada 26-28 Februari 2007 manakala Kumpulan II dengan 150 orang peserta lagi telah diadakan pada 6-8 Mac 2007. Disepanjang seminar ini berlangsung, para peserta telah didedahkan dengan aspek-aspek penubuhan syarikat, pengoperasian

syarikat, pengeluaran dan pemasaran. Peserta-peserta juga telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi tugas penyediaan Rancangan Perniagaan Syarikat dimana setiap kumpulan perlu membuat persembahan dipenghujung sesi dan ahli-ahli panel yang dilantik telah memberi komen dan teguran tentang kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki demi untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan syarikat masing-masing.



Pada perhimpunan yang lalu kita semua dihidangkan dengan kejayaan seorang ahli Perniagaan New York yang tersohor bernama Donald Trump yang berjaya membangunkan empayar kekayaannya dengan gaya Pengurusan Moden.

Tetapi minggu ini saya cuba memperkenalkan kejayaan seorang manusia di zaman silam kira-kira 8000 Tahun yang lalu. Beliau bernama ARKAD juga dikenali sebagai "The Richest Man in Babylon". Buku karangan GEORGE S. CLASON – menggariskan prinsip asas bagi mengumpul dan mengurus kekayaan yang telah menarik minat para pakar ekonomi dan perniagaan di seluruh dunia.

Menceritakan bagaimana seorang pengukir batu bata yang miskin bernama Arkad membuat kerja dengan penuh dedikasi dan disiplin setelah beliau ditekan oleh seorang ahli perniagaan yang tidak dikenali bernama Al-Gamish, dalam menyiapkan kerja-kerja yang ditempah oleh beliau. Selepas Arkad berjaya dibentuk sebagai seorang pekerja yang berdisiplin dalam pengurusan harta dan peribadi sebelum Al-Gamish meninggal beliau telah menyerahkan sebahagian besar hartanya kepada Arkad termasuk ladang-ladang dan ternakan. Kepada anaknya tidak ditinggalkan apa-apa kerana beliau tahu hartanya tidak dapat membantu orang lain dan dikembangkan.

Dengan kemasyhuran sebagai 'Manusia Terkaya di Babylon', Arkad telah diminta oleh pemerintahnya supaya memberi syarahan kepada 100 orang yang dipilih dari kalangan peniaga-peniaga kecil termasuk penjual telur, penjual daging kambing, penternak kambing dan pengukir batu bata dan sebagainya.


Terdapat 7 prinsip yang diajar kepada 100 orang itu dan 100 orang ini akan memanjangkan prinsip tersebut kepada orang lain. Antara 7 asas yang dianjurkan ialah:

- (i) Mulakan dengan mengumpul kekayaan (modal)
- (ii) Kawal perbelanjaan
- (iii) Gandakan wang sedia ada
- (iv) Kawal harta dari kehilangan
- (v) Cari tempat pelaburan yang memberi pulangan lumayan
- (vi) Pastikan terdapat pendapatan di masa depan
- (vii) Tingkatkan kemampuan mendapatkan wang.

Selain dari 7 prinsip itu ARKAD juga meminta pendengar-pendengarnya mengambil perhatian ke atas beberapa perkara berikut:

- (i) Membayar hutang seberapa segera
- (ii) Menjaga keluarga supaya keluarga menjaga imejnya
- (iii) Membuat wasiat secara bertulis, teratur dan jujur
- (iv) Mempunyai belas kasihani kepada yang tercedera dan kurang bemasih

BELAJAR DARI MANUSIA TERKAYA 8000 TAHUN DAHULU




baik dan membantu mereka sebaik yang terdaya.

Untuk mengusahakan sesuatu beliau juga mengingatkan supaya mengikut kemampuan, belajar dan menjadi bijak menjadi lebih mahir dan cuba menghormati diri sendiri.

Buku ini juga selanjutnya menceritakan bagaimana Orang Yang Terkaya itu mendidik anaknya bernama NOMASIR. Anaknya diminta merantau dan hanya kembali dalam masa 10 tahun dengan berbekal 2 perkara utama:

- (i) Sebuah beg yang penuh dengan emas
- (ii) Kepingan tanah liat yang terukir 5 prinsip peraturan emas dengan pesanan jika beliau bijak menguruskannya beliau pasti akan menjadi kaya sepertinya.

Emas yang dibekalkan oleh Arkad telah habis kerana anaknya melabur di tempat yang salah, ditipu dalam perniagaan dan boros. Nomasir jatuh miskin dan terpaksa menjual hamba dan jubahnya.



Akhirnya beliau mengambil ukiran tanah liat yang menghuraikan prinsip peraturan emas dan mengamalkan dengannya dengan penuh dedikasi sehingga beliau menjadi kaya hampir setanding dengan bapanya.

5 Peraturan Emas:-

- (i) Emas akan datang dengan bingganya dan akan bertambah banyak sesiapa yang menyimpan 1/10 daripada pendapatannya untuk membentuk estet untuk masa depan.
- (ii) Emas akan bekerja kepada pemiliknya yang bijak mencari pekerjaan yang menguntungkan.
- (iii) Emas akan berpaut dengan kawalan yang berhati-hati dan dilabur dengan nasihat dari orang yang bijak mengendalikannya.
- (iv) Emas akan hilang jika dilabur dalam sesuatu yang pemiliknya tidak mahir atau tidak disahkan oleh yang tidak berpengalaman.
- (v) Emas akan hilang dibelanja secara tidak berhati-hati dan mengikut nasihat orang-orang yang suka menipu.

Terjemahan yang didedahkan dalam buku ini dari kepingan tanah liat dan batu bata yang ditemui dalam runtuhannya Bandar Babylon ini menarik minat ahli ekonomi seluruh dunia. Banyak asas pengurusan dan panduan yang praktikal telah diamalkan 8000 Tahun dahulu, pinjaman, simpanan, perbelanjaan, pelaburan dan tanggungjawab sosial.

la juga menggambarkan bagaimana masyarakat Babylon itu berjaya menjadikan Babylon sebuah Negara Kota yang terkaya pada waktu itu sehingga menjadi salah satu tamadun yang terkenal.

"My debts were my enemies, but the men I owed were my friends for they had trusted me and believe in me" - Dabasisir - The Camel Trader of Babylon.



KAKITANGAN SOKONGAN IKUTI KURSUS KURIKULUM PEMBANGUNAN INSAN II

Unit Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah melaksanakan Kursus Kurikulum Pembangunan Insan II untuk anggota sokongan PKINK pada 15 hingga 17 Mac 2007 yang lalu bertempat di Bukit Keluang Beach Resort, Besut Terengganu.

Kurikulum Pembangunan Insan II (KPI) dilaksanakan bagi memantapkan kefahaman dalam diri setiap anggota PKINK mengenai amalan budaya kerja cemerlang melalui konsep Ubudiyah, Masuliah dan Itqan. Antara objektifnya ialah untuk menambahkan kefahaman tentang konsep-konsep pengurusan dan pentadbiran Islam, konsep ibadah dalam pekerjaan, dan penekanan kepada elemen penting dalam melaksanakan tanggungjawab iaitu tekun dan amanah dalam semua aspek kerja.



Kursus KPI II pada kali ini dikendalikan bersama oleh Unit Latihan Bahagian PSM PKINK dan Unit Pembangunan Insan (UPI) Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). UPI KIAS terlibat secara langsung dalam menyediakan tenaga penceramah dan menyusun slot pengisian sepanjang kursus berlangsung selama 3 hari 2 malam.

Seramai 65 kakitangan sokongan kumpulan C dan D telah menghadiri kursus tersebut yang merupakan susulan kepada Kurikulum Pembangunan Insan yang telah dilaksanakan pada tahun 2002. Majlis penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Haji Mohamad Alwi b. Ya yang mewakili Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK.



Majlis Pelancaran RUMAH CONTOH TAMAN DESA ORKID

Pengkalan Chepa - 28 Februari 2007 bersamaan 10 Safar 1428, YB Tuan Haji Mohd Amar Nik Abdullah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Sains dan Teknologi telah merasmikan Majlis Pelancaran Rumah Contoh Taman Desa Orkid, Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Dalam ucapan, beliau menyeru semua pemaju-pemaju perumahan di Kelantan agar mencorakkan Taman Perumahan memenuhi hasrat Islam. Sebagai contohnya, setiap rumah mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik, mestilah menyediakan kemudahan beribadat, sekiranya disekitar perumahan tersebut tidak ada lagi kemudahan tersebut. Kawasan beribadat tersebut biarlah lebih ke depan bukannya tercorot di belakang. Susunan dalaman juga perlu diambil berat, dimana pintu bilik tidak menghadap ke ruang tamu, bilik air tidak menghadap kiblat. Jika ruang rumah itu luas, asingkan ruang tamu dan ruang keluarga. Ciri-ciri tersebut haruslah diberi

perhatian kerana kita dapati sekarang maksiat juga boleh berlaku dirumah sendiri. Dengan beberapa pengasingan yang dibuat sedikit sebanyak dapat membantu mengawal masalah tersebut.

Taman Desa Orkid merangkumi 10 unit banglo 2 tingkat, 8 unit banglo 1 tingkat, 14 unit teres 1 1/2 tingkat dan 53 unit teres 2 tingkat dengan kos bernilai RM19.9 juta dan dikendalikan di bawah pengurusan SPP Development Sdn Bhd, sebuah syarikat di bawah kumpulan PKINK. Projek ini masih dalam pembinaan, dan sehingga kini telah mencapai 36% siap. Berdasarkan perancangan, sebahagian projek ini akan dimohon bagi mendapatkan Sijil Kelayakan Duduk untuk memberi keyakinan kepada pembeli-pembeli dan bakal pembeli. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2007.

Program berakhir pada jam 4.00 petang, semua jempuan di jemput menyaksikan satu unit rumah contoh yang siap sepenuhnya dan telahpun ada pemiliknyanya.



Jasamu Di Kenang



Rosli Said



Ab Halim Muhamed



Apandi b. Yusoff

Untuk tempoh Januari hingga Mac 2007, seramai 3 orang anggota PKINK telah menamatkan perkhidmatannya, apabila sampai tempoh persaraan wajib.

Anggota tersebut ialah Rosdi bin Said yang mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Penolong Akauntan pada 2 April 1984. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat dengan Lembaga Letrik Negara. Beliau pernah ditempatkan di beberapa bahagian di PKINK seperti Bahagian Audit & Naziran, Bahagian Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian MIS. Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat Anak Kumpulan PKINK iaitu Kelbina Holding Berhad pada 1 Ogos 1995 selama 2 tahun. Beliau bersara wajib dengan PKINK selepas berkhidmat selama 22 tahun 10 bulan dan 16 hari, iaitu pada 18 Februari 2007.

Seorang lagi anggota PKINK Abd. Halim bin Muhamed yang berkhidmat sebagai Juruteknik telah bersara wajib pada 14 Februari 2007. Beliau mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Juruteknik Rendah pada 1 Februari 1978. Beliau dinaikkan pangkat kepada Juruteknik Tingkatan Biasa secara Lantikan (KPSL) mulai 1 November 1991. Sepanjang perkhidmatan beliau di PKINK, beliau pernah dipinjamkan ke Syarikat Prokel Management Sdn Bhd mulai 1 Ogos 2000 selama 2 tahun. Sepanjang perkhidmatannya di PKINK, beliau pernah ditempatkan di Bahagian Sektor Pertanian dan Bahagian Industri dan IKS selain di Bahagian Khidmat Teknikal. Beliau telah berkhidmat dengan PKINK selama 29 tahun dan 13 hari.

Apandi bin Yusoff mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Pembantu Rendah pada 1 Januari 1973. Kemudian pada 1 Februari 1975 beliau dipindahkan ke Jawatan Pelukis Pelan Rendah. Sepanjang

perkhidmatannya dengan PKINK beliau pernah dipinjamkan kepada Persatuan Bolasepak Emacer Kelantan mulai 1 September 1987 atas asas sebulan ke sebulan dan kembali berkhidmat dengan PKINK pada 16 Oktober 1988. Beliau pernah dipinjamkan ke Kota Darulnaim Sdn Bhd iaitu sebuah Syarikat Anak PKINK mulai 1 Mac 1994 selama 2 tahun. Beliau pernah menjadi Jurulatih Pasukan Bolasepak KSK PKINK sepenuh masa mulai 1 Disember 1988 hingga 1 November 1990, semasa PKINK terlibat dengan penyertaan Liga FAM. Selepas itu beliau terus menjadi jurulatih Pasukan Bolasepak KSK PKINK sehinggalah beliau bersara pada 21 Mac 2007. Beliau pernah di anugerah Pingat PB di hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan pada 1978. Sepanjang penglibatannya di PKINK, beliau pernah di tempatkan di Bahagian Teknikal, Pentadbiran, Kewangan, Galakan Industri dan IKS dan Projek dan Hartanah dan pernah mendapat Anugerah Khidmat cemerlang Tahun 2005. Beliau bersara wajib setelah berkhidmat dengan PINK selama 34 tahun 2 bulan dan 20 hari.

Berita
Anggota

Selamat Pengantin Baru

Nor Azimah binti Mat Noor
dengan
Mohd Shafie bin Abd. Ghani
(11 Mac 2007/21 Safar 1428)

- Pengantin perempuan anggota PKINK

*Ya Allah Ya Tuhan Kami, Satukanlah hati kedua
mempelai ini seperti Engkau satukan
hati Adam & Hawa, Yusof & Zulaikha dan
seperti Engkau satukan
Muhammad S.A.W. & Siti Khadijah, semoga Allah
merahmati dan memberkati mereka berdua,
himpunkan mereka berdua di dunia dan di akhirat.
Amin Ya Rabbal Alami.*



Kejohanan
**BADMINTON JEMPUTAN
PIALA KETUA EKSEKUTIF
PKINK KALI KE - 3
2007**



Pasukan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan telah muncul johan setelah menumpaskan Pasukan PKINK 3-2 di Perlawanan Akhir Kejohanan Badminton Jemputan Piala Ketua Eksekutif PKINK kali ke III 2007, sekaligus menamatkan kemaraan Pasukan PKINK bagi mencapai Juara tiga kali berturut-turut.

Kejohanan kali ke III ini diadakan pada 23 - 24 Februari 2007 bertempat di Dewan Badminton PBKN Jalan Raja Dewa, Kota Bharu. Sebanyak 14 Pasukan telah bertanding di Kejohanan ini, yang dibahagikan kepada 4 kumpulan dimana mereka telah berlawan secara liga Kumpulan. Pasukan yang menjadi johan dan naib johan kumpulan layak bermain dipusingan seterusnya yang diadakan secara kalah mati.

Kumpulan A diwakili oleh Pasukan PKINK, Hospital Raja perempuan Zainab II dan Yayasan Islam Kelantan. Kumpulan B diwakili oleh Pasukan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Amanah Rakyat. Manakala Kumpulan C diwakili oleh Pasukan Kota Darulnaim, Air Kelantan Sdn bhd, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Polis Di Raja Malaysia dan Kumpulan D diwakili oleh Pasukan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga nasional Berhad.

Kejohanan berpasukan ini mengandungi 5 acara beregu lelaki yang terdiri dari satu beregu VIP, satu beregu pegawai, satu beregu veteran dan dua beregu terbuka.



Pasukan PKINK iaitu Johan Kumpulan A telah berjaya menundukkan Pasukan PDRM Kontinjen Kelantan 3-1 di peringkat suku akhir. Manakala dalam perlawanan separuh akhir Pasukan PKINK berjaya menundukkan pasukan JKR 3-1, yang mana sebelum itu Pasukan JKR telah mengalahkan Pasukan MPKB 3-0 pada pusingan suku akhir.

Manakala Pasukan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan yang menjadi Johan dalam Kumpulan B telah mengalahkan Pasukan YIK 3-1 di peringkat suku akhir dan dalam perlawanan separuh akhir mengalahkan Pasukan Kota Darulnaim 3-2. Sebelum itu Pasukan Kota darulnaim mengalahkan Pasukan TNB 3-1 di peringkat suku akhir.

Tema "Keceriaan Bersukan Erat Perpaduan" dikekalkan untuk kejohanan tahun 2007 bagi menggambarkan hasrat PKINK untuk mewujudkan satu semangat persaudaraan dan perpaduan dikalangan anggota yang terlibat.



**PERLAWANAN BOLASEPAK
PERSAHABATAN ANTARA
ADUN KELANTAN DAN PENGURUSAN PKINK**



Bersempena dengan sidang DUN Kelantan yang berakhir pada 27 Februari 2007, satu Perlawanan Bolasepak Persahabatan antara Pegawai PKINK dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhd ke-IV Kota Bharu pada 27 Februari 2006 jam 9.00 malam.

Perlawanan tersebut telah di menangi oleh Pasukan ADUN Kelantan 2 - 0. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK. Pasukan ADUN Kelantan di ketuai oleh YB Dato' Hj. Wan Abd Rahim b. Wan Abdullah, Speaker DUN Kelantan, manakala Pasukan PKINK di ketuai oleh Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh.





SUKAN RAKYAT & PERKELAHAN Ahli KEKWA PKINK

Kelab Kebajikan Wanita KSK PKINK (KEKWA) telah mengadakan Sukan Rakyat & Perkelahan Bagi Ahli KEKWA pada 3 Mac 2007 yang lalu di perkarangan Perdana Resort di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Acara ini telah mencapai matlamatnya untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi di kalangan anggota-anggota wanita Kumpulan PKINK apabila ianya mencapai angka 200 untuk kehadiran.

Sesuatu yang unik untuk acara ini adalah ianya di kendalikan oleh JK KEKWA khusus untuk anggota-anggota wanita sahaja; sehinggakan kehadiran anak-anak lelaki dihadkan hanya untuk yang berusia bawah 10 tahun. Ini adalah untuk mewujudkan satu suasana yang sesuai dengan fitrah wanita untuk beriadah dengan lebih selesa disamping berinteraksi di antara satu sama lain.

Puan Hj Noriah Derahman serta Puan Hj Norazian Adnan isteri kepada Ketua Eksekutif & Timbalan Ketua Eksekutif PKINK yang merupakan jemputan khas bagi acara tersebut juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil bahagian dalam acara yang disediakan. Sebanyak 7 permainan telah dipertandingkan mengikut kumpulan-kumpulan yang telah ditetapkan melalui cabutan dan Kumpulan B menjuarai acara keseluruhan. Acara 'Asing Kacang' merupakan acara yang ditunggu-tunggu oleh para veteran. Bagaimana permainannya? Ala-ala 'Musang Berjantung'...

"Saya bagi pihak JK KEKWA mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, juga kepada penganjur-penganjur yang telah memberi sumbangan bagi menjayakan acara kami. Insyallah acara ini dapat dijadikan acara tahunan untuk KEKWA" ulas Pn Hj Ahlaami selaku penganjur KEKWA

JERING TEMPAT KE 3 SUKAN RAKYAT KEPUTERAAN 2007

Buat kali keduanya Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah mengambil bahagian dalam Pesta Sukan Rakyat sempena menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan Ke 57 Peringkat Jajahan Kota Bharu.

Kali ini acara diadakan di padang Sekolah Menengah Kebangsaan Kadok, Kota Bharu dan sebanyak 7 agensi kerajaan sekitar Kota Bharu telah turut serta mengambil bahagian. Walaupun didalam cuaca hujan sepanjang acara diadakan pesta masih dilangsungkan dengan meriahnya melalui 20 acara bagi peringkat dewasa lelaki dan wanita serta



kanak-kanak lelaki dan perempuan. Telekom Malaysia merupakan johan untuk kali ini dan PKINK melalui nama kumpulan Jering sekadar berpuashati dengan tempat ke 3.

Pesta dimeriahkan lagi dengan jemputan penyanyi veteran Latiff Ibrahim dan pendatang baru Yazir dari AF3 diiringi oleh pancaragam 8 briged serta lain-lain pertunjukan. Kemuncak pesta adalah acara penutup oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan pada petangnya.





HIJRATUL RASUL Penggerak Pembangunan Ummah

Bersempena sambutan awal Muharram, satu Ceramah Hijratul Rasul S.A.W telah diadakan pada 4 Muharram 1428 bersamaan 23 Januari 2007 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, Kota Bharu. Tajuk yang dikupas oleh penceramah jemputan YBhg. Ustaz Fadli Shaari dari KIAS, Nilam Puri bertajuk Hujratul Rasul Penggerak Pembangunan Ummah.

Walaupun peristiwa hijrah itu berlaku pada bulan Rabiulawal, namun perancangannya telah dibuat sejak bulan Muharram lagi dan tambahan pula mengikut kalendar arab, bulan Muharram adalah bulan pertama, atas dasar inilah mengapa Syadina Omar telah memilih Muharram sebagai bulan pertama Kalendar Islam dan tahun hijrah bermula pada mula peristiwa Nabi Muhammad S.A.W. berpindah ke Madinah.

Sebelum berhijrah ke Madinah, Nabi Muhammad S.A.W. pernah ke Habsyah, dimana pemimpinnya telah menerima Islam, tetapi rakyatnya menentang. Begitu juga semasa baginda ke Taif, baginda telah dihalau dan dilempar dengan najis. Nabi Muhammad S.A.W. telah berdoa kepada Allah s.w.t. agar anak cucu mereka menerima Islam walaupun pada masa itu ditentang oleh rakyat Taif.

Dua tahun selepas peristiwa di Taif, Nabi Muhammad S.A.W. telah membuat bai'ah dengan rakyat Yathrib, dan bermula daripada peristiwa itulah perancangan telah dibuat dengan teliti, dimana beberapa para

sahabat yang diketuai Syaidina Omar telah pergi dahulu ke Yathrib untuk meninjau sambutan masyarakat disana tentang penerimaan Islam. Akhirnya kedatangan Nabi Muhammad S.A.W. bersama Syaidina Abu bakar ketika itu telah disambut dengan begitu baik sekali oleh masyarakat setempat, dan nama Yathrib ditukar kepada Madinah.

Disini untuk mencapai sesuatu kejayaan, perancangan itu mestilah menepati Syariat Allah dan Sunnah Allah. Berusaha dengan perancangan yang teliti dan berdoa kepada Allah, barulah perbuatan itu akan mendapat berkat dan kejayaan. Penceramah telah membawa satu kisah dimana Nabi Muhammad S.A.W. pernah berkata bahawa Islam akan menakluki bumi Constantinopol. Semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar, satu pasukan tentera telah dihantar dibawah Panglima Abu Ayub menyerang bumi constantinopol, tetapi gagal dan Panglima Abu Ayub Gugur syahid. Tetapi pada tahun 824 Hijrah Satu angkatan tentera di bawah Muhammad Al-Fatih telah berjaya menawan bumi constantinopol. Kejayaan ini adalah hasil dari perancangan yang teliti, dimana askar-askar Islam pada masa itu selain dibekalkan dengan latihan dan peralatan ketenteraan yang mencukupi, kepercayaan yang teguh kepada Allah disemai, dimana mereka kuat dimedan perang dan kuat beribadat dan bermunajat kepada Allah s.w.t.

Jadikan peristiwa Hijrah ini sebagai satu semangat jihad untuk kita sama-sama berjuang meningkatkan murtabad umat Islam di mata dunia.

10 CARA KURANGKAN PENGAMBILAN LEMAK

1. Bila menyapu roti dengan marjerin untuk sarapan, sapukan dengan sedikit, sekadar untuk memberi rasa
2. Gantikan susu penuh krim dengan susu rendah lemak atau tanpa lemak
3. Selalu membaca label makanan. Pilih yang mengandungi lemak kurang dari per 100 gram makanan
4. Kurangkan mengambil makanan ringan untuk kudap-kudapan. Sebagai contoh, ambil yogurt bagi menggantikan aiskrim
5. Kurangkan pengambilan makanan segera yang tinggi lemak seperti, kentang goreng, piza atau burger.
6. Buang lemak yang terdapat pada daging dan ayam ketika hendak menyediakannya. Begitu juga dengan kulit ayam. Kerana makanan tersebut mempunyai kadar lemak yang tinggi.
7. Ambil makanan dalam sukatan yang sederhana dan tidak terlalu banyak. Jika mengambil daging atau ayam, ambil dalam kuantiti yang sedikit.
8. Elak menyediakan makanan dalam bentuk bergoreng. Pilih kaedah bakar atau kukus. Bagi sayuran, elak memasak menggunakan santan.
9. Kurangkan mengambil sos atau mayones ketika makan. Gunakan perahan limau bagi menggantikan mayones.
10. Banyakkan memakan buah-buahan, sayuran, bijirin dan minum air kosong, tapi elakkan memakan buah-buahan dalam tin.

Meskipun ramai yang tidak menyukai yogurt kerana rasanya, namun ia sebenarnya mempunyai banyak khasiat untuk tubuh. Amalan mengambil yogurt akan meningkatkan jumlah bakteria 'baik' dalam sistem pencernaan. Ia akan melancarkan proses buang air besar, racun serta membolehkan sisa makanan lebih cepat dibuang. Mereka yang selalu mengambil yogurt selalunya jarang terkena keracunan makanan seperti cirit birit. Jika anda sedang diet, yogurt juga pilihan yang tepat, kerana lemaknya lebih rendah dari susu. Bagi mengurangkan rasa masam pada yogurt, anda bolehlah mencampurkannya dengan madu ataupun dengan jus buah-buahan yang rasanya lebih sedap.

OPS SENGGARA KEMBALI LAGI!

Penggunaan IT yang meluas di Perbadanan telah meningkatkan bilangan peralatan IT berlipat kali ganda kebelakangan ini khususnya komputer dan printer. Sebagai langkah penjagaan berkala, Bahagian MIS, PKINK telah melaksanakan Program Ops Senggara bermula 4 Mac 2007 dan dijangka akan mengambil masa selama lima minggu. Kerja-kerja ops kali ini merangkumi cucian fizikal, melakukan backup data-data disamping melakukan audit inventori setiap komputer yang ada.

Melalui perisian yang dapat diperolehi secara percuma audit inventori setiap komputer dapat dilakukan dengan mudah. Ianya adalah untuk membantu 'team helpdesk' untuk mengenalpasti dengan lebih tepat dan terperinci komponen-komponen serta konfigurasi komputer anggota dalam melaksanakan kerja-kerja senggaraan dari masa ke semasa.

Kerjasama yang baik dari sebahagian besar anggota PKINK telah melancarkan lagi kerja-kerja operasi tersebut.


PASARIA HARI KEPUTERAAN

Pasaria Hari Keputeraan adalah antara acara tahunan sempena menyambut Ulangtahn Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan Ke 57 dan Kelab Kebajikan Wanita KSK PKINK (KEKWA) sekali lagi tidak melepaskan peluang untuk turut menyertai acara tersebut.

KEKWA dengan kerjasama Perdana Resort kali ini menghidang menu pilihan Roti Taliban dan Mee Kari Uttar Pradesh. Pasaria yang berlangsung selama 3 hari mulai 29 -31 Mac 2007 mendapat sambutan yang menggalakkan walaupun berubah venue ke Taman Perbandaran Tengku Anis, 3 km dari Bandar Kota Bharu.



MISI BANTUAN MANGSA BANJIR JOHOR



Kota Bharu - 25 Januari 2007, seramai 200 anggota sukarela dari Kelantan telah bertolak ke Johor dalam misi kemanusiaan membantu masyarakat setempat yang terlibat dengan banjir besar. Pelepasan anggota sukarela itu telah di rasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan di JKR 10, Kg. Sireh, Kota Bharu pada jam 6.00 petang.

PKINK telah menerima jemputan Yayasan Amal Malaysia (Kelantan)

dengan menghantar 10 orang anggota PKINK yang di ketua En. Ismail Sauki Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Biro Kebajikan dan Dakwah KSK PKINK. Rombongan telah bertolak dengan 2 buah kenderaan Pejabat dan sebuah kenderaan persendirian bersama-sama dengan lain-lain anggota sukarelawan.

Anggota PKINK telah diamanahkan untuk berkhidmat di Muar Johor, dimana kawasan yang terlibat ialah di Sekolah Kebangsaan Sri Medan dan perumahan di Kampung Parit Medan (Kawasan Peneroka). Selain menyumbangkan tenaga, KSK PKINK telah

memperuntukan wang tunai sebanyak RM2,000 di agihkan kepada mangsa-mangsa banjir sebanyak RM200 se keluarga.

Rombongan berlepas pulang pada 27 Januari 2007 pada jam 3.00 petang, dan sampai di Kota Bharu pada jam 12.00 malam.



PROJEK KUMPULAN PKINK



KELKON SPP DEVELOPMENT

53 Unit Rumah Teres 2 Tingkat

Taman Desa Orkid

Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa,
Kota Bharu, Kelantan.

Pemaju:



KELKON SDN. BHD. (63320-U)

Tingkat 2, Kompleks Perbadanan Menteri Besar



**Harga Dari
RM155,000.00
Bersih**

SEBAB UTAMA PEMBELIAN
MELALUI KAMI:

- Anak Syarikat PKINK (Semua Urusan dijamin)
- Pemaju Berwibawa
- Harga Jualan Bersih
- Tempahan : 1% daripada harga jualan
- Urus Selesai Pinjaman Perumahan (Kerajaan / Institusi Kewangan)
- Urus Selesai Pengeluaran KWSP
- PERCUMA - K